

Guna dadah tanpa kebenaran, lelaki didenda RM1,500

MIRI: Seorang lelaki didenda RM1,500 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis selama dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Tertuduh, Ahmad Shahidan Nasarudin, 25, dari Kampung Pengkalan, Lutong didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen

15 (1) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara dua tahun dan sertamerta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis 11-nor-delta-9-tetrahydrocannabinol-9-carboxylic acid

(Ujian Kromatografi Lapisan Nipis) atau lebih dikenali sebagai ganja yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 4.30 petang, 17 Mei 2025 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Pendakwaan kes dikendalikan ASP Mary Ong di hadapan Majistret Ashok Linggam manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.